

17/10/1998

Pemecatan hal dalaman

GEORGETOWN, Jumaat - Orang luar khususnya bukan ahli Umno diingatkan jangan mencampuri urusan politik dalaman parti itu terutama membabitkan pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Dr Abdul Hamid Othman, berkata isu pemecatan itu adalah hal dalaman Umno yang sudah diterima oleh ahli sendiri.

Bagaimanapun, katanya, orang luar yang bukan ahli Umno pula sibuk memperbesar-besarkan mengenai perkara itu.

"Umno sudah reda dan orang di luar Umno tidak perlu sibuk dalam hal ini," katanya mengulas pembabitan pihak luar berkaitan pemecatan Anwar sebagai Timbalan Presiden Umno dan Timbalan Perdana Menteri.

Hamid berkata, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mempunyai hak memecat timbalannya mengikut perlembagaan, begitu juga MT berhak memecat anggotanya seperti yang ditetapkan dalam perlembagaan.

"Yang heboh mengenai pemecatan itu sekarang bukan ahli Umno...jadi tidak wajarlah kenapa orang yang bukan ahli Umno sibuk mengenai pemecatan itu," katanya selepas merasmikan Eksponika Umno Jelutong di tapak pesta Sungai Nibong, di sini petang ini.

"Saya dapati sesetengah daripada mereka (bukan ahli Umno) ialah orang yang menentang Anwar masuk Umno dulu. Apabila Anwar dipecat oleh Umno, dia marah kepada Umno.

"Saya harap perkara ini dapat diselesaikan dan difahami. Tak perlulah pihak lain seperti Gerak bersuara kerana ia satu tindakan keterlaluan kerana itu bukan urusan mereka," katanya.

Menurutnya, ahli Umno sendiri sudah menerima sistem dalam negara berdasarkan kepada tiga komponen utama iaitu legislatif berasaskan politik, kehakiman dan eksekutif membabitkan pentadbiran kerajaan.

Sehubungan itu, katanya, soal pemecatan adalah perkara dalam komponen sistem demokrasi parti yang sekarang ini sudah dapat terima oleh ahli Umno.

(END)